



PERLEMBAGAAN

**PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA  
(POMM)  
TERKINI**

FEBRUARI 2023

PERLEMBAGAAN  
PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA (POMM)  
MALAYSIAN MASTERS ATHLETIC ASSOCIATION (MMAA)

**FASAL 1.** NAMA

Badan Sukan ini dikenali dengan nama :

**PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA  
(MALAYSIAN MASTERS ATHLETIC ASSOCIATION)**

atau ringkasnya disebut sebagai **POMM (MMAA)** di dalam Perlembagaan ini.

**FASA 2.** ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

2.1 Alamat Berdaftar

Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) ialah:

No. 20, SS 3/49, Petaling Jaya  
47300 Selangor Darul Ehsan.

2.2 Alamat berdaftar tidak boleh diubah tanpa kelulusan Jawatankuasa Induk Persatuan dan hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya.

**FASAL 3.** DEFINISI

3.1 **PERSATUAN** bermakna Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM)


3.2 **MESYUARAT AGUNG** bermakna MESYUARAT AGUNG "TRIENNIAL" yang diadakan sekali dalam tiga tahun oleh Persatuan ini seperti yang disebutkan dalam Fasal 14 perlembagaan ini.

3.3 **MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA** bermakna mesyuarat yang diadakan oleh Persatuan ini seperti yang disebutkan dalam Fasal 16 perlembagaan.

3.4 **JAWATANKUASA INDUK** bermakna jawatankuasa majlis tertinggi yang mentadbir perjalanan persatuan dan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar persatuan yang disebut dalam Fasal 17 perlembagaan ini.

3.5 **JAWATANKUASA** bermakna Jawatankuasa yang sah dibentuk atau dilantik di bawah Perlembagaan ini mengikut Fasal 21.

3.6 **PEGAWAI** bermakna semua ahli jawatankuasa induk, jawatankuasa dan mana-mana orang yang diberikan kuasa untuk menjalankan tugas dan fungsi Persatuan.



- 3.7 PEMEGANG JAWATAN bermakna mana-mana orang yang dipilih atau dilantik dalam Mesyuarat Agung dan atau dilantik oleh Jawatankuasa Induk Persatuan.
- 3.8 BADAN PENGELOLA (Governing Body) bermakna badan sukan kebangsaan yang mendapat pengiktirafan dari badan antarabangsa untuk mewakili badan sukan berkenaan di Malaysia.
- 3.9 PEJABAT bermakna alamat berdaftar Persatuan seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2 Perlembagaan ini.
- 3.10 AHLI PERSATUAN bermakna ahli yang disebutkan dalam Fasal 6 Perlembagaan ini.
- 3.11 PESURUHJAYA bermakna Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Seksyen 10 Akta Pembangunan Sukan 1997.
- 3.12 ATLET MASTER bermakna mana-mana orang yang berumur 35 tahun dan ke atas (Lelaki dan Wanita) yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Masters.
- 3.13 NEGERI termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- 3.14 “PRINCIPAL OFFICE BEARERS” bermakna Pegawai Kanan Persatuan iaitu, Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha Kehormat, dan Bendahari Kehormat.
- 3.15 AHLI SEUMUR HIDUP bermakna Ahli Seumur Hidup individu yang masih menjadi ahli Persatuan.

#### FASAL 4. OBJEKTIF DAN FUNGSI

- 4.1 Objektif dan Fungsi Persatuan adalah seperti berikut:
  - (a) Untuk mengurus Persatuan ;
  - (b) Untuk mempromosikan olahraga master dalam kalangan atlet master untuk memastikan mereka cergas dari segi mental, sosial dan fizikal .
  - (c) Untuk menganjur, menaja dan mengambil bahagian dalam semua acara olahraga master di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.
  - (d) Untuk menjadi Ahli Gabungan (Member) dengan ‘World Masters Athletics’ (Persatuan Olahraga Master Antarabangsa) bagi mempromosikan hubungan, muhibah dan



pemahaman dalam kalangan atlet master dan persatuan-persatuan lain dengan tujuan yang sama.

- (e) Untuk mengumpul dan menerima wang dan dana melalui sumbangan, derma, langganan, warisan, geran atau kaedah lain yang sah untuk atau ke arah tujuan Persatuan.
- (f) Persatuan olahraga master peringkat negeri menjadi Ahli Gabungan POMM dan tidak boleh bergabung dengan mana-mana badan organisasi sukan antarabangsa.

## FASAL 5. LOGO / LAMBANG

Logo/ lambang Persatuan ini ialah seperti berikut:

Warna-warna dalam jalur gemilang menunjukkan perpaduan rakyat dipupuk melalui sukan.



## FASAL 6. A. KEAHLIAN


6.1 Terdapat dua (2) jenis keahlian Persatuan. Ahli hendaklah dikenali sebagai Ahli Gabungan (affiliate) atau Ahli Seumur Hidup (Life Members).

Kelayakan menjadi ahli adalah seperti berikut:

- (a) Ahli Seumur Hidup: Ahli individu yang telah menjadi ahli Persatuan semenjak Persatuan ditubuhkan . Pendaftaran keahlian ini telah ditamatkan selepas Persatuan-persatuan negeri ditubuh dan menjadi Ahli Gabungan Persatuan.
- (b) Ahli Gabungan: Terdiri daripada semua persatuan olahraga master negeri yang berdaftar dengan Pesuruhjaya, yang sah di sisi undang-undang yang mempromosikan sukan olahraga master di negeri masing-masing.
- (c) Sebarang aktiviti yang berkaitan dengan sukan olahraga master oleh Ahli Gabungan boleh diberi kelulusan oleh Persatuan jika diperlukan.

## 6.2 PENCALONAN (NOMINATION)

- (a) Hanya delegat dari Ahli Gabungan dan Ahli Seumur Hidup boleh dicalonkan untuk bertanding untuk jawatan Jawatankuasa Induk Persatuan
- (b) Pencalonan untuk bertanding untuk jawatan Jawatankuasa Induk Persatuan mestilah dibuat secara bertulis dan dibantarkan kepada Setiausaha Kehormat Persatuan supaya diterima



sekurang-kurangnya tujuh hari (7) sebelum tarikh Mesyuarat Agung.

- (c) Pencalonan:
- i Bagi pencalonan daripada Ahli Gabungan, nama calon mesti dicadang dan disokong oleh dua orang pegawai kanan Ahli Gabungan berkenaan (Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha dan Bendahari).
  - ii Bagi pencalonan dari Ahli Seumur Hidup, calon mesti dicadang dan disokong oleh mana-mana dua orang Ahli Seumur Hidup semasa Mesyuarat Agung.
- (d) Mana-mana ahli yang dicalonkan untuk bertanding, tidak semestinya hadir dalam Mesyuarat Agung, dengan syarat surat bertulis daripada calon yang bersetuju bertanding diberi kepada Setiausaha Kehormat Persatuan.
- (e) Jika pencalonan untuk sesuatu jawatan melebihi daripada yang diperlukan, proses undi akan dilaksanakan.
- (f) Sekiranya jumlah pencalonan yang cukup diterima untuk memenuhi jawatan yang ditanding mengikut peraturan, Pengerusi Mesyuarat Agung akan mengumumkan semua calon dipilih secara sahnya. Jika pencalonan tidak cukup untuk memenuhi jawatan yang diperlukan, pencalonan baharu boleh dicadang dan disokong, dalam mana, peraturan tersebut di atas (b) dan (c i) tidak akan diambil kira.
- (g) Pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk adalah:  
Melalui undi ‘simple majority’ oleh ahli yang hadir Mesyuarat Agung yang layak untuk mengundi

## FASAL 7. YURAN KEAHLIAN

- 7.1 Setiap Ahli Gabungan hendaklah membayar yuran pendaftaran kepada Persatuan seperti berikut :

BIL	JENIS KEAHLIAN	YURAN PENDAFTARAN	YURAN TAHUNAN
1	Ahli Gabungan	RM 10.00	RM 10.00
2	Ahli Seumur Hidup	-	-

- 7.2 Yuran pendaftaran RM10.00 dibayar bersama-sama dengan borang pendaftaran.



- 7.3 Yuran Tahunan hendaklah dibayar tidak lewat daripada 31 Januari , tiap-tiap tahun kepada Bendahari Kehormat.
- 7.4 Kadar yuran tahunan hanya boleh diubah dalam Mesyuarat Agung.
- 7.5 Jika ahli tidak meyelesaikan yuran untuk 2 tahun, Bendahari Kehormat mesti menghantar notis meminta ahli menyelesaikan yuran dalam satu bulan dari tarikh menerima notis. Jika tidak ada tindakan terhadap notis tersebut, maka ahli tersebut tidak lagi menjadi ahli Persatuan.

#### **FASAL 8. PERMOHONAN MENJADI AHLI**

- 8.1 Semua persatuan olahraga master negeri yang telah didaftar secara sah yang bertujuan untuk mempromosikan sukan olahraga master adalah layak menjadi Ahli Gabungan. Hanya satu persatuan yang sah dari setiap negeri layak menjadi Ahli Gabungan .
- 8.2 Permohonan untuk menjadi Ahli Gabungan harus dibuat dalam Borang yang telah ditetapkan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Induk Persatuan untuk pengesahan.
- 8.3 Setelah permohonan diterima dan disahkan, Setiausaha Kehormat harus mengedarkan "Standing Rules" (jika ada) Persatuan yang menjadi peraturan yang mesti dipatuhi oleh Ahli Gabungan.
- 8.4 Keanggotaan Ahli Gabungan tidak menjadi sah sehingga yuran pendaftaran dan yuran tahunan dibayar.
- 8.5 Yuran pendaftaran dan yuran tahunan mesti dibayar sepenuhnya, tidak mengira bulan mana diluluskan menjadi Ahli Gabungan (seperti tertera dalam Fasal 7).

#### **FASAL 9. KEISTIMEWAAN DAN HAK AHLI**

- 9.1 Semua ahli mempunyai hak dan keistimewaan seperti berikut:
  - (a) berhak untuk menyertai segala kegiatan yang dianjurkan oleh Persatuan ini;
  - (b) berhak menerima dengan percuma satu salinan perlembagaan Persatuan semasa pendaftaran dan diberi sekali sahaja; dan
  - (c) berhak menggunakan kemudahan dan premis badan sukan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

#### **FASAL 10. HAK MENGUNDI DALAM MESYUARAT AGUNG**

##### **10.1 Ahli Gabungan**

**Deleget dari semua Ahli Gabungan yang membayar yuran sebelum 31 Januari berhak untuk mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung.**



## **10.2 Ahli Seumur Hidup**

Semua Ahli Seumur Hidup adalah berhak untuk mengundi dan diundi dalam Mesyuarat Agung.

## **FASAL 11. PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG**

- 11.1 Setiap Ahli Gabungan berhak menghantar tiga (3) orang wakil (Deleget) ke Mesyuarat Agung.
- 11.2 Semua deleget mesti direkodkan secara bertulis dan ditandatangani oleh dua (2) daripada pegawai kanan iaitu, Presiden, Timbalan/Naib Presiden, Setiausaha atau Bendahari.
- 11.3 Semua Ahli Seumur Hidup berhak untuk hadir dalam Mesyuarat Agung.
- 11.4 Nama-nama Deleget yang dipilih hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Khormat Persatuan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.
- 11.5 Jika Ahli Gabungan hendak menukar Delegetnya ke Mesyuarat Agung nama Deleget yang baharu hendaklah mengikut peraturan 11.2 , disampaikan kepada Setiausaha Kehormat Persatuan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum masa Mesyuarat Agung .

## **FASAL 12. DISIPLIN AHLI, PEGAWAI DAN PEMEGANG JAWATAN**

Jawatankuasa Induk setelah mendapati mana-mana ahli, pegawai dan pemegang jawatan :

- (a) telah melanggar, gagal, enggan atau tidak peduli mematuhi mana-mana peraturan dan undang-undang termasuk gagal memenuhi komitmen sebagai ahli;
  - (b) bertindak secara tidak wajar atau memudaratkan kepada Persatuan dan kepentingan; dan tidak selari dengan matlamat Persatuan dan sukan itu sendiri; dan
  - (c) membawa keaiban kepada ahli, Persatuan, sukan itu sendiri dan negara;
- boleh memulakan prosiding disiplin terhadap ahli, pegawai atau pemegang jawatan tersebut tertakluk kepada kuasa dan prosedur disiplin yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk. Ahli, pegawai dan pemegang jawatan yang terlibat berhak untuk mendapat keadilan semulajadi (*natural justice*).



## **FASA 13. PENGGANTUNGAN DAN PEMECATAN AHLI**

- 13.1 Jawatankuasa Induk Persatuan berhak untuk memecat ahli dengan '2/3 majority', jika ahli bertindak bertentangan dengan perlembagaan, aktiviti atau arahan dari Persatuan dan semua hak ahli akan digantung sehingga ahli membuat rayuan.
- 13.2 Ahli yang dipecat berhak untuk merayu dalam Mesyuarat Agung dengan syarat ahli tersebut menunjukkan minat untuk membuat rayuan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung. Jika ahli tersebut tidak menunjukkan minat untuk berbuat demikian, pemecatan akan menjadi sah. Sekiranya rayuan dibuat, setelah mengkaji, ahli Mesyuarat Agung boleh menolak pemecatan atau pun mengesahkan pemecatan.
- 13.3 Penggantungan atau pemecatan itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk.

## **FASA 14. MESYUARAT AGUNG PERSATUAN (MESYUARAT AGUNG 'TRIENNIAL')**

Pengurusan Persatuan adalah tanggungjawab Jawatankuasa Induk yang dipimpin oleh Presiden atau Timbalan Presiden semasa ketiadaan Presiden.

- 14.1 Mesyuarat Agung Persatuan ialah Mesyuarat Agung "Triennial" (sekali dalam 3 tahun) yang dihadiri oleh semua Ahli Seumur Hidup, serta delegat dari Ahli Gabungan. Ia merupakan kuasa tertinggi untuk membuat keputusan.
- 14.2 Mesyuarat Agung hendaklah diadakan tidak lewat dari tarikh 31 MAC pada tahun yang berkenaan (every third year).
- 14.3 Jika Persatuan gagal mengadakan Mesyuarat Agung mengikut tempoh yang ditetapkan Persatuan hendaklah merujuk kepada Pesuruhjaya untuk perlanjutan masa bagi mengadakan Mesyuarat Agung itu.

### **14.4 Notis Mesyuarat Agung**

(a) Notis Mesyuarat Agung hendaklah dihantar secara bertulis sama ada melalui e-mail, pos atau serahan tangan dua minggu (2) sebelum tarikh Mesyuarat Agung bersama-sama dengan Penyata Akaun untuk tiga (3) tahun yang telah diaudit, serta menyatakan perkara-perkara berikut:

- (i) Tarikh, Masa & Tempat
- (ii) Agenda
- (iii) Minit Mesyuarat Agung yang lepas
- (iv) Laporan aktiviti
- (v) Laporan kewangan
- (vi) Maklumat perwakilan ke Mesyuarat Agung
- (vii) Maklumat pilihan AJK Induk (*jika berkenaan*)
- (viii) Usul ahli (secara bertulis) untuk dibawa ke Mesyuarat Agung



- (b) Borang pencalonan (*jika berkenaan*) yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kehormat Persatuan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung.
- (c) Mana-mana ahli yang berminat untuk menambah perkara dalam agenda Mesyuarat Agung, boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurannya tiga (3) hari sebelum Mesyuarat Agung.

#### 14.5 Usul


- (a) Semua usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat Agung perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung .
- (b) Jika usul ditolak oleh Jawatankuasa Induk, usul tersebut atau usul baharu yang mempunyai maksud yang sama tidak boleh dikemukakan semula. Usul tersebut hanya boleh dikemukakan semula selepas enam (6) bulan dari Mesyuarat Agung tersebut.

#### 14.6 Korum

- (a) Korum bagi Mesyuarat Agung adalah dua per tiga (2/3) daripada ahli (Ahli Seumur Hidup dan Deleget dari Ahli Gabungan) atau pun dua kali jumlah AJK Induk, yang mana paling kurang.
- (b) Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam dari masa yang ditetapkan, maka Mesyuarat Agung itu hendaklah ditunda ke hari yang sama pada bulan seterusnya (30 hari) di tempat dan masa yang akan ditetapkan.
- (c) Sekiranya korum masih tidak mencukupi pada mesyuarat yang ditunda itu, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat tetapi tidak boleh meminda perlembagaan dan membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan kepentingan ahli.

#### 14.7 Penangguhan Mesyuarat Agung

- (a) Mana-mana Mesyuarat Agung yang ditangguhkan atas alasan selain daripada perkara 14.6 (b), Pengerusi boleh dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada ahli mesyuarat yang berhak mengundi, menangguhkan mesyuarat kepada masa dan tempat yang lain.
- (b) Sekiranya Mesyuarat Agung ditangguhkan dalam tempoh tidak melebihi tiga puluh (30) hari, Mesyuarat itu boleh disambung tanpa mengeluarkan notis mesyuarat yang baharu. Walau bagaimanapun tiada perkara baharu boleh dibincangkan selain daripada apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.



- (c) Jika mesyuarat itu ditangguhkan melebihi daripada tiga puluh (30) hari, notis mesyuarat baharu hendaklah dikeluarkan sama seperti notis asal menurut Fasal 14.4. Walau bagaimanapun tiada perkara baharu boleh dibincangkan selain daripada apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.

#### 14.8 Pengendalian Mesyuarat Agung

Apa-apa perkara yang berbangkit semasa Mesyuarat Agung berkaitan dengan agenda mesyuarat, prosedur dan tatacara pengendalian mesyuarat hendaklah dirujuk kepada Pengerusi Mesyuarat yang keputusannya adalah muktamad.

Setiausaha Kehormat akan mengedar draf minit Mesyuarat Agung kepada Ahli Jawatankuasa Induk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk selepas Mesyuarat Agung tamat.

#### 14.9 Kaedah Mengundi Dan Keputusan

- 14.9.1 Apa-apa keputusan yang memerlukan pengundian, pengundian hendaklah dibuat dengan cara:

- (a) mengangkat tangan; atau
- (b) jika diminta oleh:
  - (i) Presiden dengan persetujuan majority ahli mesyuarat; atau
  - (ii) satu perdua (1/2) daripada ahli Mesyuarat yang berhak mengundi.
    - Menggunakan kertas undian tertutup.

- 14.9.2 Undian tidak boleh dilakukan oleh "proxy" (atau oleh wakil).

- 14.9.3 Keputusan undian tersebut hendaklah diisyiharkan oleh Presiden sebaik sahaja proses pengiraan selesai dan keputusan itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat.

#### 14.10 Penghantaran Dokumen dan Minit Mesyuarat Agung

- (a) Setiausaha Kehormat hendaklah menyerahkan kepada Pesuruhjaya dokumen-dokumen yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Agung. Dokumen-dokumen tersebut ialah:



- (i) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk yang menetapkan Mesyuarat Agung
- (ii) Minit Mesyuarat Agung
- (iii) Laporan Aktiviti Tahunan;
- (iv) Laporan Kewangan Tahunan;
- (v) Senarai Ahli Jawatankuasa Induk terkini; dan
- (vi) dokumen-dokumen lain seperti yang diarahkan oleh Pesuruhjaya.

## **FASAL 15. AGENDA MESYUARAT AGUNG**

Agenda Mesyuarat Agung hendaklah mengandungi antara lain perkara-perkara seperti berikut :

- (a) menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung sebelumnya;
- (b) menerima dan meluluskan Laporan Aktiviti Persatuan;
- (c) menerima dan meluluskan Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit;
- (d) pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk (jika berkenaan); dan
- (e) hal-hal lain yang berkaitan.


## **FASAL 16. MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA**

16.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa boleh diadakan dalam keadaan berikut:

- (a) apabila Presiden / AJK Induk fikirkan mustahak untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa, atau
- (b) atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada satu perempat ( $\frac{1}{4}$ ) atau 50 orang Ahli Seumur Hidup yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya.

Setiap Ahli yang memohon untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa mesti membayar wang sebanyak Ringgit Malaysia lima belas (RM15.00), untuk pengurusan mesyuarat ini.

- 16.2 Mesyuarat Agung Luar Biasa permintaan Ahli Seumur Hidup hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari (60) dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 16.3 Setiausaha Kehormat hendaklah mengedarkan notis pemberitahuan dan agenda untuk Mesyuarat Agung Luar Biasa kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 16.4 Korum dan penundaan Mesyuarat Agung Luar Biasa adalah sama dengan korum Mesyuarat Agung (Fasal 14.6 a & c). Sekiranya koram tidak mencukupi



bagi Mesyuarat Luar Biasa permintaan Ahli Seumur Hidup selepas setengah (1/2) jam dari masa yang ditetapkan, maka mesyuarat itu akan terbatal. Dengan itu Mesyuarat Agung Luar Biasa tidak boleh diadakan untuk maksud yang sama dalam enam (6) bulan dari tarikh Mesyuarat Agung Luar Biasa tersebut.

- 16.5 Tiada pemilihan Jawatankuasa Induk boleh diadakan semasa Mesyuarat Agung Luar Biasa. Setiausaha Kehormat akan mengedar draf minit mesyuarat agung luar biasa kepada Ahli Jawatankuasa Induk dalam masa singkat selepas tamat mesyuarat agung luar biasa.

**FASAL 17. JAWATANKUASA INDUK**

- 17.1 Jawatankuasa Induk Persatuan hendaklah terdiri daripada :
- (a) seorang Presiden
  - (b) seorang Timbalan Presiden
  - (c) tiga (3) orang Naib Presiden
  - (d) seorang Setiausaha Kehormat
  - (e) seorang Penolong Setiausaha Kehormat
  - (f) seorang Bendahari Kehormat, dan
  - (g) tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa.
- 17.2 Jawatankuasa Induk hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung dan memegang jawatan untuk tempoh selama tiga (3) tahun.
- 17.3 Mesyuarat Jawatankuasa Induk mesti diadakan sekali dalam tiga (3) bulan selepas memberi notis pemberitahuan tujuh (7) hari kepada AJK Induk. Tambahan pula, Presiden boleh memutuskan untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Induk dengan memberi notis pemberitahuan lima (5) hari. Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Induk adalah satu perdua (1/2) daripada jumlah AJK Induk, untuk membuat sebarang keputusan.

Pemegang-pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk dan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain hendaklah:

- (a) Warganegara Malaysia
  - (b) berumur tigapuluhan lima (35) tahun dan ke atas;
  - (c) bukan seorang yang muflis;
  - (d) tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana badan sukan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu;
  - (e) tidak disabitkan kesalahan jenayah atau sivil dengan denda tidak kurang daripada RM2,000.00 dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu; dan
  - (f) sempurna akal.
- 17.4 Mana-mana pemegang jawatan yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan dan dikenakan hukuman di Mahkamah atas pertuduhan jenayah hendaklah terlucut jawatannya dengan serta-merta.



## **FASAL 18. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA INDUK**

**18.1 Tugas-tugas Jawatankuasa Induk antara lain seperti berikut :**

- (a) Menubuh Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil;
- (b) Melantik Pengurus Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil. Setelah selesai sesuatu projek Jawatankuasa Kecil ini mesti menyediakan laporan lengkap dan setelah itu ianya akan dibubarkan.
- (c) Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- (d) Mengurus dan mentadbir persatuan secara teratur;
- (e) Merancang, melaksana dan menilai program Persatuan;
- (f) Mengkaji dan mencadang program-program dan perbelanjaan yang berkaitan;
- (g) Melulus dan meminda peraturan-peraturan untuk dibahas dalam Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa;
- (h) Memantau dan memastikan semua ahli, pegawai dan pemegang jawatan mematuhi perlembagaan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan ini;
- (i) Melantik dan mengisi mana-mana jawatan kosong yang bergaji;
- (j) Membangun dan merangka pelan strategik pembangun sukan ini diperingkat kebangsaan, negeri, daerah dan kelab;
- (k) Mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana pemegang jawatan yang melanggar perlembagaan dan peraturan persatuan;
- (l) Menimbang permohonan menjadi ahli persatuan; dan
- (m) Menyelesaikan apa-apa masalah perlanggaran peraturan, peraturan kecil, dan disiplin dalam kalangan pegawai, pemegang jawatan dan ahli melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan.

## **FASAL 19. TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA INDUK**

### **19.1 Presiden**


Presiden akan menjadi Pengurus semua mesyuarat Jawatankuasa Induk, Mesyuarat Agung , Mesyuarat Agung Luar Biasa, serta mesyuarat-mesyuarat lain, dan mewakili Persatuan dalam semua urusan dengan pihak luar.

### **19.2 Timbalan Presiden**

Timbalan Presiden hendaklah membantu Presiden melaksanakan tanggungjawab menguruskan pentadbiran Persatuan. Dia hendaklah memangku dan melaksanakan tanggungjawab Presiden semasa ketidaan Presiden.

### **19.3 Naib Presiden**

Naib Presiden hendaklah membantu Presiden dan Timbalan Presiden dalam menguruskan pentadbiran Persatuan. Semasa ketidaan Presiden dan Timbalan Presiden, Naib Presiden yang paling kanan hendaklah memangku jawatan tersebut. Naib Presiden boleh dilantik untuk mengetuai JK Kecil.



**19.4 Setiausaha Kehormat**

Setiausaha Kehormat bertanggungjawab dalam segala pengurusan dan pentadbiran Persatuan mengikut perlembagaan dan menjalankan arahan-arahan Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Induk. Beliau bertanggungjawab ke atas segala rekod Persatuan seperti surat-menyurat, menyimpan dokumen – dokumen seperti minit semua mesyuarat, senarai ahli persatuan dll. Dia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan minit mesyuarat. Setiausaha Kehormat akan menjadi ahli ex-officio dalam semua Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan.

**19.5 Penolong Setiausaha Kehormat**


Akan membantu Setiausaha Kehormat dalam semua urusannya, dan bertanggungjawab terhadap semua tugas setiausaha semasa ketidaannya.

**19.6 Bendahari Kehormat**

Bendahari Kehormat bertanggungjawab terhadap semua urusan kewangan Persatuan. Bendahari akan membuat kutipan yuran keahlian dan menyimpan buku kira-kira berkenaan semua perkara kewangan, menyelesaikan semua pembayaran, serta menyediakan penyata kira-kira tahun secara lengkap termasuk menyimpan semua resit bayaran dan penerimaan, dan bertanggungjawab ke atas ketepatannya.

**FASAL 20. MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK**

- 20.1 Jawatankuasa Induk hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada AJK Induk dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Presiden pada bila-bila masa dengan bersendirian atau dengan persetujuan satu pertiga (1/3) ahli jawatankuasa induk secara bersama boleh memanggil Mesyuarat AJK Induk dengan memberi notis lima (5) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 20.2 Korum Jawatankuasa Induk hendaklah tidak kurang daripada satu perdua (1/2) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa Induk.
- 20.3 Mana-mana ahli Jawatankuasa Induk yang tidak hadir dalam tiga (3) mesyuarat AJK Induk berturut-turut tanpa sebab boleh kehilangan jawatannya kecuali AJK Induk berpuas hati terhadap sebab-sebab ketidakhadirannya. Jika terdapat kekosongan jawatan AJK Induk, seorang AJK Induk baharu boleh dilantik sementara sehingga Mesyuarat Agung .
- 20.4 Sekiranya terdapat perkara yang penting dan “urgent” yang memerlukan kelulusan daripada AJK Induk dalam keadaan di mana Mesyuarat Jawatankuasa Induk tidak dapat diadakan dalam masa yang singkat, Setiausaha Kehormat boleh mendapatkan kelulusan melalui surat pekeliling. Walau bagaimanapun, syarat-syarat berikut mesti dipatuhi jika kelulusan/keputusan itu menjadi sah:



- (i) perkara tersebut di tulis secara jelas dan diedar kepada semua AJK Induk
- (ii) Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada AJK Induk mesti memberi kelulusan atau pun menolaknya
- (iii) Kelulusan mestilah mendapat undian ‘majority’
- (iv) Keputusan yang dapat dibuat dengan kaedah surat pekeliling, mesti dilaporakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk oleh Setiausaha Kehormat dan direkodkan dalam minit mesyuarat.


## **FASAL 21. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL**

- 21.1 Jawatankuasa Induk boleh menubuhkan mana-mana jawatankuasa kecil yang dirasakan perlu untuk membantu perjalanan Persatuan seperti berikut :
- (a) Jawatankuasa Kewangan
  - (b) Jawatankuasa Pembangunan
  - (c) Jawatankuasa Teknikal
  - (d) Jawatankuasa Pemilihan
  - (e) Jawatankuasa Pertandingan
  - (f) Jawatankuasa Tatatertib
  - (g) Jawatankuasa Anti-Doping
  - (h) Jawatankuasa Wanita
  - (i) Jawatankuasa-Jawatankuasa lain yang difikirkan perlu.
- 21.2 **Tugas Pengerusi Jawatankuasa Kecil**

Pengerusi Jawatankuasa Kecil hendaklah menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Induk

### **21.3 Tugas Jawatankuasa Kecil**

- (a) **Jawatankuasa Kewangan**  
Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mencari sumber pendapatan Persatuan seperti tajaan, bantuan dari kerajaan, derma atau cara-cara lain yang sah dari segi undang-undang Persatuan dan undang-undang negara.
- (b) **Jawatankuasa Pembangunan**  
Tugas utama Jawatankuasa ini ialah menganjurkan program-program pembangunan dan latihan serta termasuk pembangunan pegawai dan jurulatih.
- (c) **Jawatankuasa Teknikal**  
Tugas utama Jawatankuasa ini ialah melibatkan hal ehwal teknikal sukan ini.
- (d) **Jawatankuasa Pemilihan**  
Tugas utama Jawatankuasa ini ialah memilih atlet untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Induk bagi mewakili Persatuan dalam apa-apa pertandingan dalam dan luar negara.



(e) **Jawatankuasa Pertandingan**

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mengelolakan pertandingan-pertandingan di peringkat kebangsaan.

(f) **Jawatankuasa Tatatertib**

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk memutuskan kes-kes berhubung salah laku ahli termasuk pegawai dan pemegang-pemegang jawatan; dan menentukan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang telah dikenakan tindakan.

(g) **Jawatankuasa Anti-Doping**

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk memantau dan memastikan bahawa semua ahli sukan atau atlet mematuhi peraturan anti-doping. Jawatankuasa ini hendaklah menggunakan peraturan World Anti-Doping Agency (WADA) dan Institut Sukan Negara (ISN) / Anti-Doping Agency of Malaysia (ADAMAS) atau mana-mana badan yang diiktiraf oleh WADA dan pihak berkuasa di Malaysia.

(h) **Jawatankuasa Wanita**

Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk menjaga kepentingan wanita dalam badan sukan ini.

## **FASAL 22. KEWANGAN**

- 22.1 Persatuan tidak boleh meminjam wang dari mana-mana pihak dan AJK Induk atau ahli Persatuan tidak boleh menyebabkan Persatuan mengambil tindakan melebihi kedudukan kewangan Persatuan.
- 22.2 Berdasarkan kepada fasal ini, dana Persatuan boleh digunakan untuk mengendalikan perkara-perkara yang diperlukan untuk mencapai objektif Persatuan termasuk perbelanjaan pengurusan, perbelanjaan AJK Induk, perbelanjaan audit dan sebagainya mengikut perlumbagaan, tetapi tidak boleh digunakan untuk membayar saman mahkamah kepada mana-mana ahli .
- 22.3 Bendahari Kehormat boleh menyimpan wang untuk keperluan kecemasan (petty cash) tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus (RM500.00) pada satu masa. Sebarang wang yang melebihi jumlah ini, mesti di masukkan dalam akaun Persatuan di bank dalam masa tujuh (7) hari. Akaun bank mestilah atas nama Persatuan.
- 22.4 Semua cek atau notis pengeluaran wang dalam akaun Persatuan mestilah ditandatangani bersama oleh dua (2) AJK Induk, iaitu Bendahari Kehormat dan Presiden atau Setiausaha Kehormat.
- 22.5 Perbelanjaan melebihi Ringgit Malaysia seribu (RM1,000.00) pada satu masa tidak boleh dilakukan tanpa kelulusan oleh AJK Induk. Perbelanjaan kurang daripada Ringgit Malaysia lima ribu (RM1,000.00) boleh dilulus oleh Presiden dan Bendahari Kehormat.



- 22.6 Penyata kira-kira bagi setiap tahun mestilah disediakan selepas tahun berakhir dan diaudit oleh Juruaudit Dalaman . Penyata kira-kira ini mesti dibentang dalam Mesyuarat Agung dan salinannya diedarkan kepada ahli.
- 22.7 Tahun kewangan Persatuan bermula pada 1 Januari hingga 31 Disember pada setiap tahun.
- 22.8 Sumber kewangan Persatuan boleh diperoleh melalui :  
(a) yuran tahunan ;  
(b) derma dan tajaan;  
(c) bantuan dari kerajaan atau badan-badan yang dibenarkan;  
(d) sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

#### **FASAL 23. JURU AUDIT DALAMAN**

- 23.1 Dua orang yang bukannya pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk boleh dilantik sebagai Juru audit dalaman. Pelantikan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Agung . Jawatan yang dipegang ialah selama tempoh tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula.
- 23.2 Tugas Juru audit dalaman ialah untuk membuat pemeriksaan terhadap penyata kewangan Persatuan dan membuat laporan dan pengesahan ke atas penyata-kewangan tersebut. Presiden boleh meminta mereka mengaudit penyata kewangan bagi sesuatu tempoh masa.

#### **FASAL 24. DISKRIMINASI, EKSPLOITASI DAN GANGGUAN SEKSUAL**

- 24.1 Persatuan dan ahli Persatuan ini termasuk individu, pegawai, pemegang jawatan, jurulatih serta atlet bertanggungjawab menjamin keadilan dan kesaksamaan tanpa mengira gender, agama dan bangsa.
- 24.2 Persatuan hendaklah memastikan tiada eksplorasi, gangguan fizikal, emosi dan seksual dilakukan terhadap mana-mana orang dalam Persatuan.

#### **FASAL 25. KESELAMATAN, INSURAN DAN PERUBATAN**

- 25.1 Ahli persatuan atau atlet yang mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan, pertandingan sama ada di dalam atau di luar negara hendaklah dilindungi oleh insuran yang dibiayai dan diuruskan oleh atlet sendiri.

#### **FASAL 26. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

- 26.1 Sekiranya terdapat soalan/pertanyaan yang dibangkitkan berkaitan dengan mana-mana fasal dalam perlumbagaan yang tidak jelas, AJK Induk berhak untuk menggunakan "discretion" untuk memberi penjelasan dan keputusan AJK Induk adalah muktamad.



- 26.2 AJK Induk jika perlu boleh menyediakan "bye-laws" untuk pelaksanaan peraturan-peraturan dalam perlembagaan secara efektif dan licin.
- 26.3 Mana-mana ahli Persatuan tidak boleh membawa mana-mana perkara ke mahkamah. Jika berlaku, ahli tersebut akan kehilangan keahlian persatuan.

**FASAL 27. PERTIKAIAN DALAMAN**

Jawatankuasa Induk bertanggungjawab untuk mewujudkan satu mekanisme bagi menangani apa-apa pertikaian dalaman yang timbul dalam kalangan ahli-ahlinya mengikut prosedur dalaman yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu. Jika pertikaian gagal diselesaikan, Persatuan tersebut hendaklah merujuk kepada Pesuruhjaya.

**FASAL 28. PENAUNG DAN PENASIHAT**

- 28.1 Jawatankuasa Induk Persatuan boleh melantik individu-individu tertentu untuk menjadi Penaung, Penasihat dan Penasihat Teknikal bagi Persatuan ini. Jawatankuasa Induk akan menentukan tempoh masa untuk jawatan-jawatan ini.
- 28.2 Penaung atau Penasihat tidak boleh mengundi dan diundi, walau bagaimana pun mereka boleh dijemput untuk menghadiri Mesyuarat apabila diperlukan.

**FASAL 29. PINDAAN PERLEMBAGAAN**

- 29.1 Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan dua pertiga (2/3) daripada ahli atau pun oleh dua kali jumlah AJK Induk yang mana kurang, yang hadir dan yang layak mengundi dalam Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.
- 29.2 Apa-apa pindaan kepada perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh ia diluluskan oleh Mesyuarat Agung atau mesyuarat Agung Luar Biasa. Pindaan ini akan hanya boleh dikuatkuasa setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Pesuruhjaya.

**FASAL 30. LARANGAN**

- 30.1 Segala bentuk perjudian dan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang Malaysia seperti permainan paikow, mahjong dilarang dalam mana-mana premis Persatuan. Membawa bahan permainan judi atau menghisap dadah serta perlakuan yang tidak bermoral adalah dilarang .
- 30.2 Dana Persatuan tidak boleh digunakan untuk membayar saman ahlinya yang telah dijatuh hukuman oleh mahkamah, kecuali semasa melaksanakan tugas Persatuan.



30.3 Persatuan tidak boleh terlibat, bergabung atau mengadakan hubungan dengan sebarang kegiatan politik atau membenarkan dana Persatuan atau premisnya digunakan untuk tujuan politik.

**FASAL 31. PEMBUBARAN**

- 31.1 Persatuan tidak boleh dibubarkan dalam Mesyuarat Agung yang khusus untuk tujuan ini kecuali dengan keputusan dua pertiga (2/3) daripada ahli yang layak mengundi.
- 31.2 Jika Persatuan dibubarkan berdasarkan kepada Fasal 31.1, maka semua hutang, liabiliti Persatuan mestilah diselesaikan dan dana yang baki akan diberikan kepada organisasi kebajikan setelah mendapat kebenaran daripada Pesuruhjaya.
- 31.3 Keputusan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu melalui borang-borang yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

Disahkan betul oleh :

Presiden

Setiausaha Kehormat  
12/6/21

Nama : S. SIVAPRAGASAM, AMW

Nama : SM (B) BALAN A/L PACHIAPPAN

Tarikh: 5 JUN 2022

Tarikh : 5 JUN 2022

S. SIVAPRAGASAM, A.M.W.  
PRESIDENT  
MALAYSIAN MASTERS ATHLETIC ASSOCIATION  
NO. 20, 15 3/49, 47300 PETALING JAYA,  
SELANGOR, MALAYSIA

SM. (B) BALAN PACHIAPPAN  
Setiausaha Kht  
Persatuan Olahraga Master Malaysia

